

Teluk Marudu Berdasarkan Catatan Peta Alexander Dalrymple

Any Farina Manzes¹

Manuskrip diterima: 9 Ogos 2017

Diterima untuk penerbitan 4 Disember 2017

¹ Calon Sarjana di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: anyfarina93@yahoo.com

Abstract

The Borneo Islands were recorded and scaled up as early as 1525 by Antonio Pigaffeta under the name Burne which refers to Brunei. However, in 1537, northern Sulawesi was recorded in early cartography by Caspar Viegas, the first person to position the Marudu Bay on a map. Only in 1770 a special map was created covering waters of northern Sabah including Marudu Bay by Alexander Dalrymple. This map is produced with a thorough mapping methodology by highlighting the names of places and locations of natural and cultural environments. This study explains the position of the name of the place recorded in today's cartography about the place's antiquity. Through this study, the existence of early settlements around the Marudu Bay of the 18th century can be identified.

Keywords: *Marudu Bay, Alexander Dalrymple, Mapping*

Abstrak

Kepulauan Borneo dicatat dan dilakar seawal tahun 1525 oleh Antonio Pigaffeta dengan nama Burne yang merujuk kepada Brunei. Namun, pada tahun 1537, utara Sabah dicatatkan dalam kartografi awal oleh Caspar Viegas, orang pertama yang meletakkan kedudukan Teluk Marudu dalam peta. Hanya pada tahun 1770 sebuah peta khusus telah dihasilkan merangkumi kawasan perairan di utara Sabah termasuk Teluk Marudu oleh Alexander Dalrymple. Peta ini dihasilkan dengan kaedah pemetaan yang teliti dengan menyatakan beberapa nama tempat dan lokasi persekitaran semulajadi serta budaya. Kajian ini menjelaskan kedudukan nama tempat yang dicatat dalam kartografi masa kini tentang antikuiti

tempat tersebut. Melalui kajian ini, kewujudan penempatan awal di sekitar Teluk Marudu pada abad ke-18 dapat dikenalpasti.

Kata Kunci: Teluk Marudu, Alexander Dalrymple, Pemetaan

Pendahuluan

Peta yang melakarkan Benua Asia dan rantau Asia Tenggara mulai dihasilkan pada seawal 150 tahun sebelum Masihi, iaitu semasa era Claudius Ptolemy. Sebelum abad ke-14, peta yang dihasilkan adalah kurang sempurna dan tidak lengkap. Namun, penghasilan peta mulai giat dijalankan menjelang abad ke-16 oleh bangsa Eropah, seperti Johann Ruysch (1507), Lorenz Fries (1522), Oronce Fine (1531), Sebastian Munster (1540), Giacomo Gastaldi (1548), G. B. Ramusio (1554), dan Gerard Mercator (1569) dan Girolamo Olgiato (1570). Kepulauan Borneo turut ada dicatat dalam kartografi awal Borneo seawal tahun 1530an (Robert Nicholl, 1976: 96-126). Pada ketika itu, masih belum terdapat penempatan oleh bangsa Eropah di sekitar kawasan kepulauan Borneo. Menjelang tahun 1763, bahagian utara Borneo, iaitu di kawasan perairan Teluk Marudu mulai diduduki oleh British di bawah pemerintahan EEIC melalui usaha Alexander Dalrymple (*The British Borneo Herald*, 1885). Teluk Marudu merupakan sebuah kawasan yang terletak di bahagian Utara Sabah yang merangkumi tiga buah daerah utama, iaitu Kudat (tanjung sebelah kiri), Kota Marudu (tengah) dan Pitas (tanjung sebelah kanan). Pada tahun 1770, beliau telah menghasilkan sebuah peta yang lebih lengkap dari sebelumnya merangkumi kawasan perairan Teluk Marudu merujuk kepada sumber Sulu. Namun, peta Dalrymple bukanlah peta yang pertama mencatat kedudukan Teluk Marudu dalam kartografi awal Borneo. Sejak empat abad lampau, nama tempat ini wujud dalam peta dengan pelbagai ejaan tetapi mengekalkan bunyi sebutan yang sama, iaitu *Marudu, Marudo, Manado, Morudo dan Malloodoo*. Penelitian berdasarkan catatan peta lama Eropah membuktikan kawasan ini telahpun wujud sekitar 500 tahun yang lampau.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis ke atas peta Alexander Dalrymple yang dihasilkan pada tahun 1770 dan 1779 sebagai alat bantu kajian. Peta moden juga akan dirujuk bagi mengenal pasti kewujudan lokasi yang terdapat pada peta 1770 dan 1779 sama ada masih wujud dalam pemetaan masa kini atau sebaliknya. Peta moden yang digunakan

adalah merujuk kepada peta daerah cetakan tahun 1975 dan topografi tahun 2007. Analisis perbandingan akan dilakukan ke atas bentuk peta dan nama tempat yang telah diplotkan oleh Dalrymple dengan peta masa kini. Analisa terhadap peta dijalankan bagi perihal antikuiti tempat atau kawasan di Teluk Marudu.

Latar Belakang

Berdasarkan kepada penelitian terhadap peta yang telah dihasilkan oleh bangsa Eropah sejak abad ke-16 sehingga abad ke-19 membuktikan bahawa Teluk Marudu sudah lama wujud dan diplotkan dalam lakaran. Terdapat 42 keping peta purba yang mendapati nama Marudu telah tercatat, khususnya dalam lakaran pemeta Portugis bernama Caspar Viegas melalui catatan pelayaran Don Jorge Menezes di persisiran pantai barat dan utara Sabah sekitar tahun 1527-1530 (Robert Nicholl, 1976: 115, J. R Logan, 1848: 500-504).

Peta 1770 Dan 1779 oleh Alexander Dalrymple

Kartografi awal Teluk Marudu yang akan dirujuk dalam kajian ini adalah melalui peta yang telah dihasilkan oleh Alexander Dalrymple pada 1770 (Thomas Suarez, 1999: 239). Kartografi awal Borneo yang dihasilkan sebelum Dalrymple pada tahun 1745 hingga 1760 oleh Isacc Tirion memplotkan kawasan Teluk Marudu sebagai *Manado*. Namun, pemplotan kawasan adalah kurang terperinci hinggalah peta Dalrymple dihasilkan pada 1770. Peta Dalrymple 1770 ini merupakan peta terbaik yang pernah dihasilkan sebelum abad ke-19 Masihi. Ia lebih terperinci bagi bahagian Borneo Utara termasuk kawasan lingkungan Teluk Marudu (Peta 1).

Berdasarkan kepada bentuk fizikal peta 1770, bahagian kiri semenanjung Teluk Marudu adalah lebih panjang ke utara berbanding bahagian kanan. Lakaran peta Dalrymple menunjukkan kawasan tanjung di bahagian kanan adalah lebih melengkung membentuk persisiran yang luas. Di bahagian tengah perairan Teluk Marudu, terdapat lakaran yang menunjukkan kewujudan sebuah pulau kecil yang terletak hampir di bahagian daratan kiri teluk (dikenali sebagai Kudat pada masa kini). Dalam peta Dalrymple, Teluk Marudu diplotkan sebagai *Malloodoo Bay* dan beberapa kawasan lain turut diplotkan merujuk kepada lokasi petempatan pada era itu. Pada ketika itu, kawasan perairan utara Sabah dikuasai oleh Kesultanan Sulu dan menduduki kawasan perairan Teluk Marudu. Beberapa batang sungai yang jelas kelihatan turut ada dilakar oleh Dalrymple dalam petanya yang dipercayai merupakan antara sungai besar yang terletak dalam lingkungan kawasan Teluk Marudu.

Peta 1 : Teluk Marudu dalam Peta 1770 oleh Alexander Dalrymple



(P 4/90, A Maps of part of Borneo and the Sooloo Archipelago: laid down chiefly from Observation made in 1761, 2, 3 and 4 by Dalrymple, ANS)

Kawasan di bahagian kiri teluk adalah lebih banyak diplotkan berbanding bahagian kanan teluk. Kawasan kiri Teluk Marudu terdiri daripada *T. Sampanmangio*, *Kalampeonean*, *Pangalean*, *Cudat Seepaonee*, *Songy Basar* dan *Bowen Gun*. Dalrymple memplotkan *Tandee* dan *Mallasingreen* di bahagian tengah Teluk Marudu. Seterusnya bahagian kanan teluk yang terdiri daripada *Bankoka*, *Malloobang* dan *Tinaroontang*. Berdasarkan peta, Dalrymple telah memplotkan satu kawasan seolah-olah pulau kecil yang terletak di perairan tengah Teluk Marudu dengan nama *Tamboon*. Nama yang diplotkan pada peta yang telah dihasilkan oleh Dalrymple adalah berdasarkan kepada sumber daripada Sulu (Lakaran 1).

Pada tahun 1779, Teluk Marudu telah dilakar semula oleh seorang pegawai dari Ambonia bernama John Roberts dengan merujuk kepada sumber dari peta Dalrymple. Lakaran ini dihasilkan melalui sudut pandang depan Teluk Marudu yang menampakkan bentuk muka bumi berbukit. Beberapa kawasan atau lokasi yang tidak terdapat dalam peta 1770 telah diplotkan dalam lakaran 1779 di sekitar teluk. Lakaran teluk bermula dari *Bankoka* hingga ke *Melow*. Bahagian tengah teluk terdiri daripada *Tandee River*, *Bowen Gun*, *Songy Basar*, *Patasan*,

Maneesan, Pone dan Meelawee. Berdasarkan pemerhatian ke atas peta 1779, lokasi yang diplotkan pada bahagian tengah teluk merupakan kawasan laluan sungai. Manakala, *Burying Place of the Bajows* (lokasi perkuburan bagi masyarakat Bajau di persisiran Teluk Marudu) dan *Pearl Bank* (lokasi pencarian mutiara yang merupakan barang dagangan) diplotkan di kawasan perairan yang tidak jauh dari bahagian daratan teluk.

Lakaran 1: Teluk Marudu dalam Sudut Pandang Depan



(Plan of Malloodoo Bay at the North End of Borneo; By John Roberts a native of Ambonia, Act of Parliament 1st Dec 1779, A. Dalrymple, Biblioteca Nacional d Espana)

Perbandingan

Kaedah ini dilakukan berdasarkan perbandingan antara peta Dalrymple dan peta masa kini untuk melihat sejauh mana perbezaan peta tersebut. Beberapa perubahan dalam aspek ejaan nama tempat dan lokasi dapat dikenalpasti melalui perbandingan yang telah dilakukan ke atas peta. Data akan dijelaskan dalam bentuk jadual bagi memudahkan perbandingan nama kawasan di sekitar Teluk Marudu.

Jadual 1: Perbezaan Nama Tempat dalam Peta Dalrymple dan Peta 2007

Peta Dalrymple	Peta Moden
<i>Kalampeonean</i>	Pulau Kalampunium
<i>Tg. Sampanmangio</i>	Tg. Simpang Mengayau
<i>Pangalean</i>	-
<i>Tampaloolan</i>	-
<i>Cudat Seepaonce</i>	Pelabuhan Kudat
<i>Melow</i>	Milau
<i>Patasan</i>	Sungai Bintasan
<i>Maneesan</i>	-
<i>Pone</i>	-
<i>Meelawee</i>	-
<i>Songy Basar</i>	Sungai Langkon
<i>Bowen Gun</i>	Sungai Bongon
<i>Tandeeek</i>	Tandek
<i>Mallassingseen</i>	Marasimsim
<i>Bankoka</i>	Bengkoka
<i>Malloobang</i>	Malubang
<i>Tinaroontang</i>	Tg.Inarutong
<i>Tamboon</i>	Tambun
<i>Burying Place of the Bajow</i>	-
<i>Pearl Bank covered with Mud and Shells</i>	-

Berdasarkan Jadual 1, beberapa kawasan yang diplotkan dalam peta Dalrymple masih wujud dalam peta terkini. Namun ejaan yang diberikan adalah berbeza tetapi masih mengekalkan bunyi yang sama atau hampir (rujuk Jadual 1). Beberapa perbezaan dapat dilihat berdasarkan penelitian ke atas peta Dalrymple dan peta yang digunakan pada masa kini. Dalam peta masa kini, *Kalampeonean* yang merujuk kepada Kalampunium merupakan sebuah pulau kecil yang terletak di hujung teluk Bahagian Kudat dan terpisah dari daratan. Pulau Kalampunium termasuk Tanjung Simpang Mengayau merupakan terusan atau laluan terpenting bagi kapal purba untuk keluar masuk antara Laut China Selatan dan Laut Sulu sejak 1,000 tahun lalu (Baszley Bee & Bilcher Bala, 2007: 65). Kawasan tersebut merupakan lokasi

perdagangan maritim awal yang turut menjalinkan hubungan perdagangan dengan Dinasti Song sekitar tahun 960-1127 Masihi. Ia dibuktikan melalui penemuan artifak dan kapal karam di sekitar perairan kawasan tersebut (Bazsley Bee, Bilcher Bala & Mohd. Sherman Sauffi, 2005).

Kawasan seterusnya, iaitu *Cudat Seepaonce* atau dalam peta kini merujuk kepada Pelabuhan Kudat merupakan sebuah teluk kecil sama seperti mana yang dilakar oleh Dalrymple. Berdasarkan kepada penelitian secara fizikal ke atas kedua-dua peta, kawasan tersebut merupakan sebuah lokasi yang strategik untuk dijadikan sebagai kawasan pelabuhan. Dalam peta Dalrymple, *Melow* dalam peta moden dikenali sebagai Milau. Sumber lisan menyatakan Milau merupakan sebuah kawasan persinggahan bagi Orang laut yang datang untuk menjalankan perdagangan di persisiran semenanjung Kudat. Lokasi tersebut merupakan antara lokasi perdagangan awal dan penempatan awal di utara Sabah. Peta 1779 menunjukkan lokasi *Patasan* diplot berhampiran kawasan sungai. Jika diteliti pada peta moden, kemungkinan *Patasan* merujuk kepada Sungai Bintasan kerana kedudukan serta bunyi nama yang hampir sama. Sungai Bintasan merupakan antara sungai besar yang terletak di muara Teluk Marudu. Namun, kenyataan ini masih belum dapat dikenalpasti kerana terdapat beberapa batang sungai besar yang terletak di sekitar kawasan tersebut.

Songy Basar atau Sungai Besar yang dicatat oleh Dalrymple merujuk kepada Sungai Langkon. Sumber sejarah mencatat bahawa Sungai Langkon merupakan sungai besar di Teluk Marudu sehinggakan ia dijadikan sebagai lokasi penempatan dan kubu pertahanan oleh keturunan kesyarifan pada masa lalu. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan laporan Dalrymple pada tahun 1769 dengan menyatakan "*Malloodoo, Malooroo, or Maroodo, as it is differently expessed, was anciently a powerful kingdom; according to Sultan Bantellan's [Basilan] account it still contains 30,000 people*" (Alexander Dalrymple, 1771: 60; Bianca Maria, 2003). Dalam peta Dalrymple 1779, terdapat suatu lokasi yang berhampiran dengan sungai tidak dinyatakan nama tempat tersebut dan ia terletak di antara *Songy Basar* dan *Bowen Gun*. Berdasarkan kepada peta moden, ia merujuk kepada Sungai Bandau. Sungai Bandau terletak berhampiran dengan lokasi yang diplotkan oleh Dalrymple dalam peta 1779.

Merujuk kepada lokasi dan kedudukan *Bowen Gun* dalam lakaran peta Dalrymple, Sungai Bongon dalam peta terkini diyakini merupakan

tempat yang diplotkan ekorannya daripada sebutan nama yang hampir tetapi ejaan yang berbeza. Lokasi *Tandeek* atau Tandek dari segi kedudukannya turut membawa kepada kekeliruan. Dalam peta Dalrymple, Tandek terletak pada bahagian kiri semenanjung. Manakala dalam peta masa kini, Tandek terletak di bahagian kanan semenanjung. Kedudukan Tandek yang telah diplotkan oleh Dalrymple adalah hampir dengan lokasi sebenar tetapi tidak tepat. Kemungkinan pada ketika itu kawasan Tandek adalah luas merangkumi kawasan yang besar di bahagian tengah Teluk Marudu. Tandek merupakan antara kawasan yang berpotensi dan dikenalpasti antara pusat pelabuhan persinggahan purba (Baszley Bee & Bilcher Bala, 2007: 26).

Pemplotaan *Mallassingseen* atau Marasimsim yang terletak di persisiran laluan ke Daerah Pitas dicatat oleh Dalrymple adalah sama dengan kedudukan peta masa kini dan begitu juga dengan pemplotan *Bankoka* atau Bengkoka serta *Tinaroontang* yang merupakan tanjung yang terletak di hujung kanan semenanjung (Pitas), yang dikenali sebagai Tanjung Inarutong. Di bahagian tengah perairan Teluk Marudu, terdapat pulau kecil yang diplotkan sebagai *Tamboon* dalam peta Dalrymple 1770. Jika dirujuk kepada peta Daerah Kota Marudu, *Tamboon* diplot sebagai Tambun. Namun lokasi Tambun dalam peta Dalrymple adalah jauh dari kedudukan lokasi sebenar. Peta 1779 menunjukkan kawasan Tambun sebagai kawasan perkuburan bagi masyarakat Bajau. Peta masa kini menunjukkan bahawa Tambun terletak berhampiran dengan kawasan muara dan merangkumi kawasan daratan teluk yang merupakan sebuah perkampungan di Daerah Kota Marudu.

Namun beberapa kawasan tidak dapat dikenalpasti sama ada masih wujud atau telah diubah kepada nama yang lain. Antaranya adalah *Panglean*, *Tampaloonan*, *Meelawee*, *Pone* dan *Maneesan*. Dalam peta 1770 oleh Dalrymple, *Panglean* dan *Tampaloonan* terletak di antara *Kelampoonean* dan *Cudat Seepaonee*. Penelitian ke atas peta moden Daerah Kudat mendapati tidak ada sebarang nama kawasan yang dicatat menghampiri sebutan nama *Panglean* dan *Tampaloonan*. Seterusnya dalam peta 1779 nama tempat *Meelawee*, *Pone* dan *Maneesan* yang terletak di sepanjang kawasan perairan antara *Melow* hingga ke *Patasan* juga tidak mempunyai sebarang nama yang berhampiran lokasi tersebut dalam peta moden Daerah Kudat. Namun terdapat beberapa lokasi berhampiran kawasan sungai yang berpotensi diplotkan sebagai *Meelawee*, *Pone* dan *Maneesan* dalam peta moden ialah Sungai

Karangawan, Sungai Tigaman, Sungai Korongkon, Sungai Rosok, Sungai Biraan, Sungai Panikuan dan Sungai Matunggong. Kemungkinan nama tempat yang diplotkan oleh Dalrymple ini merupakan antara kawasan yang diberikan oleh orang Sulu dan penduduk yang mendiami kawasan tersebut pada ketika itu. Hal ini kerana, peta selepas Dalrymple, iaitu dari era EEIC hingga masa kini tidak ada mencatat sebarang nama tempat *Panglean*, *Tampaloonan*, *Meelawee*, *Pone* dan *Maneesan* di utara Sabah. Berdasarkan kepada penelitian ke atas peta, kawasan yang diplotkan ini merupakan kawasan yang berpotensi menjadi lokasi pelabuhan purba dan persinggahan ekoran daripada kedudukannya yang terletak di muara sungai.

Kesimpulan

Secara kesimpulan, beberapa kawasan yang diplotkan oleh Alexander Dalrymple pada 1770 dan 1779 masih wujud hingga ke hari ini. Walaupun ejaan nama yang berbeza, lokasi kawasan yang diplotkan tidak jauh beza jika dirujuk kepada peta masa kini. Namun timbul kekeliruan berkaitan dengan lokasi sebenar kawasan yang diplotkan, khususnya bagi *Panglean*, *Tampaloonan*, *Meelawee*, *Pone* dan *Maneesan* yang merupakan nama tempat yang diberikan oleh orang Sulu. Tidak ada sebarang sebutan nama tempat yang hampir dengan nama tempat dalam peta masa kini. Melalui peta Dalrymple, beberapa kawasan dapat dikenalpasti sebagai kawasan penting dari perspektif sejarah di sekitar Teluk Marudu. Hal ini kerana sesuatu kawasan tidak mungkin akan diplotkan tanpa sebarang kepentingan pada masa lalu. Secara tidak langsung, ini membuktikan bahawa Teluk Marudu merupakan antara kawasan yang mempunyai lembaran sejarah masa lalu yang harus diangkat sebagai lokasi bersejarah di utara Sabah.

Rujukan

- Baszley Bee & Bilcher Bala. 2007. Sejarah Penempatan dan Perdagangan Awal di Utara Sabah Abad ke-10 Hingga ke-19. *Laporan Akhir Penyelidikan*. Penyelidikan Fundamental Universiti Malaysia Sabah.
- Baszley Bee, Bilcher Bala & Mohd. Sherman Sauffi. 2005. Arkeologi Bawah Air di Perairan Tanjung Simpang Mengayau Kudat, Sabah, 30 Julai-21 Ogos 2004. *Laporan Akhir Penyelidikan*. Jabatan Muzium dan Antikuti.
- Baszley Bee, Bilcher Bala & Samsol Sahar. 2004. Tinjauan Awal Arkeologi Maritim Kudat, Sabah 2-4 Ogos 2003. *Laporan Akhir Penyelidikan*. Pusat Pengkajian Sejarah, Politik dan Strategi, UKM.

- Chart of Felicia and Plan of Island Balambangan, 1770 oleh Alexander Dalrymple. P 4/90, A Maps of part of Borneo and the Sooloo Archipelago: laid down chiefly from Observation made in 1761, 2, 3 and 4 by Dalrymple, ANS.*
- Dalrymple, A. 1771. *An account of what has passed between the India Directors and Alexander Dalrymple intended an introduction to a plan for extending the commerce of the Kingdom and of the Company in the East-Indies by and establishment at Balambangan.* J. Nourse, in the Strand London.
- Gerkich, B. M. 2003. *Marudu 1845: The Destruction and Reconsruction of a Coastal State in Borneo.* Verlag: Ahera.
- Logan, J. R. 1848. Notices of European intercourse with Borneo Proper prior to the establishment of Singapore in 1819 and traces of the origin of the Malay kingdom of Borneo Proper with notices of its condition when first discovered by Europeans and at later period. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia.* Vol. 2.
- Nicholl, R. 1976. The sixteenth century cartography of Borneo. *Brunei Museum Journal.* Vol. 3 (4).
- Peta Daerah Kudat. 1975-1988. Pengarah Tanah dan Ukur, Sabah, Malaysia 1975.
- Plan of Malloodoo Bay at the North End of Borneo by John Roberts a Native of Ambonia,* Biblioteca Nacional de Espana (R.62.539).
- Suarez, T. 1999. *Early mapping of Southeast Asia.* Singapore: Periplus.
- The British North Borneo Herald.* 1885. August 1.